

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XVII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

**3. *Penang Transport Master Plan (PTMP):***

- (a) Berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk projek ini dan apakah status pelaksanaannya setakat ini? Huraikan kronologinya.
- (b) Adakah menjadi satu keperluan untuk Kerajaan Negeri meneruskan pelaksanaan PTMP dalam suasana kegawatan ekonomi negara yang semakin merudum dan akan lebih serius dalam tahun-tahun yang mendatang?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

- 3. (a) Pihak Kerajaan Negeri kini dalam pelaksanaan projek PTMP yang dilihat sebagai Projek Transformasi Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang yang terbahagi kepada beberapa komponen penting projek dan menjadi keutamaan kerajaan negeri buat masa ini seperti berikut:
  - (i) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (BLLRT), Pan Island Link 1 (PIL 1)* dan *Penang South Reclamation (PSR)*, dipertanggungjawabkan kepada *Project Delivery Partner (PDP)* yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, tiada pembayaran dilaksanakan kepada PDP memandangkan salah satu (1) syarat yang termeterai dalam surat setuju terima PDP adalah untuk menanggung kos kajian penilaian, kerja-kerja teknikal dan bukan teknikal terlebih dahulu. Kaedah pembayaran bagi tuntutan bayaran balik akan diteliti semula dan diputuskan setelah *Project Delivery Partner Agreement (PDPA)* ditandatangani bersama Kerajaan Negeri dan PDP.

Status perlaksanaan projek BLLRT, PIL 1, dan PSR adalah seperti berikut:

(a) Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT)

Fasa 1 LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Kerajaan negeri juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) dan pihak UNESCO dalam melaksanakan *Conservation Management Plan* (CMP) bagi Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) yang telah diluluskan oleh UNESCO pada 3 September 2019 untuk kawasan-kawasan yang terlibat. Selain itu, kerajaan negeri juga masih dalam tindakan memuktamadkan skim rel serta mendapatkan kelulusan pengesahan skim rel dari pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir Jun 2020. Kerja-kerja rekabentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek BLLRT akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(b) Pan Island Link (PIL)

Projek PIL telah mendapat kelulusan bagi Laporan EIA pada 10 April 2019 dengan 56 syarat. Kerja-kerja rekabentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek PIL 1 akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(c) Penang South Reclamation (PSR)

Projek PSR telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan EIA pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019. Secara keseluruhannya, Projek PSR telah mendapat kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan

Persekutuan dan kini dalam fasa menyediakan reka bentuk dan penyediaan dokumen-dokumen tender.

Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana *Project Delivery Partner* (PDP) juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi meminimakan impak sosial dan alam sekitar sebelum projek bermula secara fizikal. Tender dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2020 manakala kerja-kerja tebus guna tanah dijadualkan bermula pada awal tahun 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan *Master Design Competition* (MDC) di mana syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat dalam penyediaan rekabentuk dapat mengambil bahagian dalam MDC. Setakat ini, lima (5) syarikat telah dipilih ke pusingan akhir bagi pertandingan tersebut dan keputusan pemenang yang berjaya akan ditentukan selepas penilaian terperinci dilakukan dalam waktu terdekat.

- (ii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong yang terdiri daripada Jalan Berkembar Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1), Jalan Pintasan dari Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (Pakej 2), Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Georgetown (Persiaran Gurney) (Pakej 3) dan Terowong Dasar Laut (Pakej 4) ditawarkan kepada kontraktor Design and Built, Consortium Zenith Construction Sdn Bhd yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi projek Pakej 1,2,3 dan 4 dengan kos keseluruhan projek yang berjumlah RM6,341,383,880.01. Kos kajian kebolehlaksanaan (FS) dan rekabentuk terperinci yang telah dibelanjakan untuk tiga (3) Jalan-Jalan Utama adalah berjumlah RM208,755,080.00 dan bayaran telah dibuat melalui pemberimilikan tanah Lot 702 dan Lot 713 di Seri Tanjung Pinang 1 (STP 1). Kerajaan Negeri telah pun menandatangani perjanjian bagi fasa pembinaan untuk salah satu pakej projek Jalan-Jalan Utama iaitu projek Pakej 2 Jalan-Jalan Utama (Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam). Kerja-kerja awalan bagi fasa pembinaan projek Pakej 2 telah dijalankan bermula pada 31 Oktober 2019. Manakala, kos FS untuk Terowong Dasar Laut (Pakej 4) adalah berjumlah RM20,000,000.00 dan tiada bayaran yang dibuat setakat ini. Kini pihak kerajaan negeri

masih dalam tindakan memuktamadkan kelulusan bagi draf kajian kebolehlaksanaan kepada pihak kontraktor.

Secara amnya, projek PTMP telah mendapat hampir kesemua kelulusan wajib yang diperlukan dari agensi-agensi kerajaan untuk memulakan proses selanjutnya. Kerajaan Negeri bersama PDP juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi menangani impak sosial dan alam sekitar yang perlu dilaksanakan sebelum projek bermula secara fizikal.

- (b) Projek-projek PTMP telah mula dirancang sejak tahun 2013 bagi mengatasi kesesakan lalu lintas jalan raya di Pulau Pinang. Projek PTMP ini juga dapat membantu rakyat daripada pelbagai aspek seperti berikut:
- (i) Menyediakan peluang pekerjaan;
  - (ii) Menambahbaik sistem pengangkutan awam;
  - (iii) Menyediakan kemudahan Infrastruktur;
  - (iv) Meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat;
  - (v) Mempromosikan sektor pelancongan; dan
  - (vi) Menarik minat pelabur luar untuk melabur di Pulau Pinang.

Projek-projek mega seperti projek LRT dan PIL1 dijangka boleh membawa impak kepada kesinambungan kegiatan ekonomi semasa kegawatan. Manakala, projek PSR akan diteruskan demi menjamin perkembangan dan kelestarian pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang di masa hadapan.